



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### 3,000 WARGA KOTA HADIRI KENDURI 1WILAYAH PERSEKUTUAN PARLIMEN WANGSA MAJU

**KUALA LUMPUR, Februari 2018** – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini bersama-sama 3,000 penduduk sekitar Flat Danau Kota, Wangsa Maju meraikan Kenduri 1Wilayah Persekutuan.

Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2018 yang bertemakan “Wilayah Ceria, Rakyat Sejahtera” dilihat memberi impak yang positif kepada semua warga Wilayah Persekutuan dari aspek meningkatkan kesejahteraan kehidupan rakyat. Program Kenduri 1Wilayah Persekutuan ini yang mendapat kerjasama dan penyertaan yang tinggi daripada rakyat merupakan *signature* program SHWP sejak tahun 2010.

Pada tahun ini sebanyak 35 program telah disusun sepanjang bulan Februari yang merangkumi pelbagai lapisan masyarakat dari golongan kanak-kanak, remaja, belia dan juga dewasa. Ini termasuk program-program bersifat ilmiah bagi pengisian kerohanian dan juga program sukan dan rekreasi bagi aktiviti menyihatkan badan serta aktiviti kekeluargaan.

Pelbagai inisiatif bagi meningkatkan kesejahteraan kehidupan warga kota telah dilaksanakan oleh KWP dan masih berterusan sehingga kini. Antara usaha yang telah dilaksanakan adalah program Kad Ceria yang merupakan salah satu inisiatif yang dibuat untuk menangani kos sara hidup bagi warga Wilayah Persekutuan. Selain itu, seramai 8,756 pelajar mendapat manfaat daripada inisiatif Program Bas Sekolah

Percuma kepada penduduk PPR dan PA DBKL. Pihak Kementerian melalui DBKL juga sedang melaksanakan program mengecat PPR dan PA DBKL serta flat kos rendah di sekitar Kuala Lumpur bagi menceriakan pemandangan ibu kota.

Atas inisiatif mensejahterakan rakyat oleh pihak Kerajaan, DBKL telah selesai menurapkan jalan di dalam kawasan Flat Danau Kota pada Januari 2018. Semua lif di flat tersebut akan buat penggantian lif baru melibatkan 4 blok dalam masa terdekat. Usaha murni ini adalah bagi memastikan warga Wilayah Persekutuan mempunyai kehidupan yang selesa dan kondusif.

Melalui pelaksanaan Kenduri 1Wilayah Persekutuan dapat menanam semangat kebersamaan dan keharmonian dalam kalangan rakyat. Dengan pelaksanaan program seperti ini, pemimpin berpeluang mendekati rakyat serta mendengar permasalahan rakyat dari akar umbi dan seterusnya dapat menangani isu-isu setempat dengan segera. Penyertaan warga Wilayah Persekutuan di dalam program-program SHWP 2018 pastinya dapat meningkatkan semangat jati diri, kerjasama serta memupuk keharmonian sesama masyarakat.

**Disediakan oleh :**

**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Wilayah Persekutuan**